

Biografi Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tuk Syeikh Duyong)

[The Biography of Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Sheikh Duyong)]

Mohd Zamri Hasan,¹ *Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad¹ & Noorsafuan Che Noh²

Abstrak

Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (1802M-1889M) atau lebih dikenali dengan panggilan Tuk Syeikh Duyong merupakan seorang ulama Terengganu pada abad ke 19 M. Beliau merupakan seorang ilmuwan yang berhijrah daripada Patani ke Terengganu akibat tercetusnya krisis politik antara Kerajaan Siam Patani pada masa tersebut. Berdasarkan salasilah keturunan beliau terdapat dua pendapat yang berbeza yang mana pendapat pertama menyatakan beliau berasal dari Champa atau Kemboja manakala pendapat kedua menyatakan dari Bugis. Dalam aspek keperibadian, Tuk Syeikh Duyong adalah individu yang alim dan bersifat tegas dalam menyampaikan ilmu keagamaan. Kealimannya bukan sahaja dapat menarik perhatian masyarakat dalam menuntut ilmu akan tetapi golongan istana juga terlibat. Justeru itu, tujuan penulisan artikel ini adalah untuk meninjau tentang biografi dan salasilah keturunan Tuk Syeikh Duyong serta sifatnya yang secara tidak langsung dapat menarik minat anggota masyarakat dan golongan bangsawan dalam mempelajari ilmu agama. Bagi mencapai objektif di atas, data dan maklumat berkaitan diperolehi melalui kajian kepustakaan iaitu rujukan ke atas sumber-sumber primer dan sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa Tuk Syeikh Duyong merupakan ulama pendatang dari Patani dan menyebarkan ilmu keagamaan di Terengganu pada abad 19M.

Kata kunci:

Tuk Syeikh Duyong, biografi dan salasilah keturunan

Abstract

Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (1802M-1889M) or well-known as Tuk Du Sheikh Duyong was a Terengganu religious scholar in the 19th century. He was a scholar who emigrated from Pattani to Terengganu following a political turmoil between the Siamese Government and the Pattani at that time. Based on his ancestry, there are two separate opinions, the first of which states that he is from Champa or Cambodia, while the second opinion mentions that he is from Bugis. In terms of personality, Sheik Duyong was a pious and determined individual when it came to religious knowledge. His piety had attracted not only the public in the search of information but also the castle. Hence, this article aims to review the biography and genealogy of the descendants of Sheikh Duyong and his personality which indirectly attracted members of the public and aristocrats to study the religion. To achieve the above objectives, data and related information were obtained through a library study which is a reference to primary and secondary sources. The findings showed that Sheikh Duyong was an immigrant scholar from Pattani and spread religious knowledge in Terengganu in the 19th century.

Keywords:

Tuk Sheikh Duyong, biography and genealogy

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

² Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia

Corresponding Author:

*Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia.
 E-mail: izziah@ukm.edu.my

Cite This Article:

Mohd Zamri Hasan, Izziah Suryani Mat Resad @ Arshad & Noorsafuan Che Noh. 2018. Biografi Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tuk Syeikh Duyong). *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 1(1): 39-51.

Pengenalan

Bab ini menumpukan latar belakang dan kronologi kehidupan Tuk Syeikh Duyong sebagai seorang tokoh ulama Terengganu pada abad ke 19. Perbahasan latar belakang Tuk Syeikh Duyong meliputi biografi tokoh, salasilah keturunan, pendidikan dan kehidupan serta sifat-sifat peribadi beliau. Kajian secara menyeluruh dan terperinci terhadap tokoh ini mendapati Tuk Syeikh Duyong juga ulama hebat sebaris dengan nama-nama besar tokoh sezamannya seperti Syeikh Abdul Kadir Bukit Bayas, Tok Ku Tuan Besar dan Tok ku Paloh. Kebanyakan para pengkaji telah memetik beliau sebagai seorang tokoh yang telah mengubah corak berfikir masyarakat di Terengganu khususnya dalam bidang agama. Ketokohan beliau bukan terbatas dalam bidang agama semata-mata, malah beliau bijak dalam hal ehwal pentadbiran. Semasa zamannya beliau telah dilantik sebagai Kadi, kemudian dilantik pula sebagai Mufti di Terengganu kepada tiga orang Sultan iaitu Sultan Baginda Omar, Sultan Ahmad Shah II dan Sultan Zainal Abidin III.

Latar Belakang Tokoh

Tuk Syeikh Duyong atau nama sebenarnya Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (1802-1889) adalah mufti Terengganu di bawah pemerintahan tiga orang Sultan Terengganu iaitu Sultan Baginda Omar, Sultan Ahmad Shah II dan Sultan Zainal Abidin III. Beliau dikenali dengan gelaran ‘Tuk Syeikh Duyong’ oleh kebanyakan masyarakat tempatan kerana bersempena nama Pulau Duyong yang terletak di Kuala Terengganu, tempat beliau mengajar dan membuka pondok (Auni Haji Abdullah, 2015: 201). Pulau Duyong sejak dahulu lagi terkenal sebagai tempat lahirnya ulama-ulama dengan pengajaran agamanya seperti Syeikh Abdul Kadir dan terus turun temurun diwarisi oleh keturunan Tuk Syeikh Duyong mencatat nama dengan membina kemasyhuran sebagai ulama terkenal di Terengganu pada abad ke-19 (Azman Muda 1990: 69).

Tuk Syeikh Duyong telah dilahirkan di Kampung Cabang Tiga, Patani pada tahun 1802. Beliau merupakan anak tunggal kepada seorang ulama Patani, Tuk Syeikh Qadi atau Wan Mohd Amin bin Yaacub hasil perkongsian dengan Wan Aminah binti Wan Derhamad (Muhammad Abu Bakar 1987: 89). Hal ini menunjukkan keluarganya adalah keluarga pendatang iaitu pelarian Patani yang berasal dari daerah Cabang Tiga. Neneknya, Wan Selamat ialah isteri seorang pembesar kesultanan Patani. Terdapat dua versi mengenai salasilah keluarga Tuk Syeikh Duyong. Satu versi menyebutnya berketurunan daripada Nakhoda Wankang, seorang pembesar berasal dari negeri Champa (Kemboja) yang telah berkahwin dengan Puteri Laksamana Johor, anak angkat raja Patani. Nakhoda Wangkang kemudiannya menjadi seorang pembesar kesultanan Patani. Satu versi lagi mengatakan berketurunan Ne' Ali atau Faqih Ali Malbari, seorang putera diraja Bugis yang merantau dan kemudiannya menetap di Patani (Auni Abdullah 2015: 201).

Semasa zaman kanak-kanak Tuk Syeikh Duyong telah menyertai bapanya, Haji Wan Muhammad Amin yang memimpin sekumpulan pelarian dari Patani yang lari menyelamatkan diri daripada penaklukan tentera Siam. Keadaan huru-hara di Patani ekoran beberapa kali serangan Perang Siam-Patani bermula dari tahun 1786 telah mendorong penghijrahan secara beramai-ramai penduduk Patani ke negeri-negeri sempadan di Semenanjung Tanah Melayu. Termasuk dalam pelarian ini ialah bapa sepupu beliau, Wan Abdul Kadir bin Wan Abdur Rahim al-Fatani (Syeikh Wan Abdul Kadir Bukit Bayas) yang sebaya dengan bapanya dan kemudiannya muncul sebagai seorang ulama ternama seterusnya menjadi Mufti Terengganu yang pertama (Mamat Adam 1970: 3).

Peristiwa pelarian ini dipercayai berlaku selepas gagalnya langkah perang jihad kesultanan Patani pada 1808 untuk membebaskan diri daripada kekuasaan tentera Siam. Kegagalan usaha perang ini mengakibatkan kuasa penjajah Siam bertindak lebih keras dan kejam dalam pemerintahannya di bumi Patani. Peristiwa pembunuhan ke atas Datuk Pangkalan Raja Patani oleh tentera Siam menjadi punca utama di sebalik pelarian rombongan keluarga Tuk Syeikh Duyong. Pada mulanya rombongan pelarian ini telah berlindung di Kelantan tetapi selepas Sultan Kelantan menghadapi tekanan pihak Siam supaya menyerahkan para pelarian tersebut, maka mereka telah memutuskan untuk lari berhijrah ke Terengganu. Dengan keizinan Sultan Terengganu, keluarga bapa kepada Tuk Syeikh Duyong telah dibenarkan menetap di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu (Abdul Wahab & Rashid Hamat 2006: 103).

Sebelum berhijrah ke Terengganu, bapa Tuk Syeikh Duyong Haji Wan Muhammad Amin bin Haji Yaacub ialah seorang ulama ternama di bumi Patani. Ayahnya lebih dikenali dengan panggilan Tuk Syeikh Qadi selepas menetap dan mengajar di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu. Kemudiannya, ketika di Terengganu Tuk Syeikh Qadi telah dilantik menjadi Kadi dan pembesar negeri oleh Sultan Baginda Omar (1839-1876) (Auni Abdullah 2015: 202).

Tuk Syeikh Duyong merupakan tokoh agama yang disegani dan dihormati oleh ulama-ulama sezamannya. Bukan itu sahaja beliau juga mendapat perhatian besar daripada Sultan dan pihak istana dengan kealimannya dalam bidang agama terutamanya dalam perundungan Islam. Beliau telah sempat berkhidmat kepada tiga orang Sultan Terengganu iaitu Sultan Baginda Omar, Sultan Ahmad Syah II dan Sultan Zainal Abidin III. Namun, malangnya rekod semasa pemerintahan Sultan Ahmad Syah II tidak berjaya diperolehi. Walau bagaimanapun menurut riwayat hidup menunjukkan beliau sempat berkhidmat kepada Sultan Omar (1839-1876), Sultan Ahmad II (1839-1881) dan Sultan Zainal Abidin III (1881-1919).

Semasa hidup, Tuk Syeikh Duyong telah berkahwin dengan seorang perempuan Losong bernama Wan Selamah. Ketika itu beliau masih lagi menuntut dan berulang alik ke Mekah. Malangnya isterinya telah meninggal dunia. Kemudiannya beliau telah berkahwin pula dengan seorang perempuan Cina Islam bernama Cik Aminah atas desakan Baginda Sultan Omar. Tuk Syeikh Duyong tidak memperolehi anak dengan cik Aminah. Hasil perkongsian hidupnya dengan Wan Selamah, beliau telah dianugerahkan seramai tujuh orang anak. Anak-anak Tuk Syeikh Duyong ialah Wan Abdul Kadir atau digelar ‘Tuk Kaya Duyong’, Wan Daud, Wan Abd. Rahman, Wan Muhammad yang kemudiannya menggantikan beliau sebagai mufti Terengganu semasa pemerintahan Sultan Zainal Abidin III, Tuk Kaya Wan, Wan Hitam dan Wan Mariam (Azman Muda 1990: 72).

Berdasarkan latar belakang keluarga yang ditaris ilmuwan dan pembesar, pengkaji berpendapat Tuk Syeikh Duyong telah melalui kehidupan sosial yang sempurna. Justeru itu,

sebagai anak kepada pembesar ketika di Patani dan Kadi ketika di Terengganu beliau sudah pasti telah mendapat jaminan pendidikan yang sempurna. Tambahan pula beliau dibesarkan di Terengganu yang mana pada ketika itu berada pada tahap kemuncak perkembangan ilmu. Hal ini terjadi disebabkan ramainya ilmuwan di Terengganu dan tokoh-tokoh luar yang datang dan menetap di Terengganu.


Salasilah Keturunan

Tuk Syeikh Duyong anak kepada Tuk Syeikh Qadi adalah seorang ulama dari Patani dapat dititih salasilah keturunannya sehingga kini. Namun, apa yang menjadi masalah kini ialah terdapat pertentangan pendapat daripada dua sumber mengenai salasilah keturunan beliau. Penulis akan mengemukakan kedua-dua versi mengenai salasilah tersebut dan akan membentangkan rajah salasilah keturunan beliau untuk dijadikan penelitian dan kajian berikutnya. Mengenai asal usul keturunan Tuk Syeikh Duyong terdapat dua pendapat yang kontradik. Namun dalam kelainan tersebut, kedua-dua pihak mengakui Tuk Syeikh Duyong ini mempunyai kaum kerabat di Kedah daripada asal usul keturunan yang sama. Kedua-dua pihak juga mengakui bahawa datuk-datuk Tuk Syeikh Duyong ini pernah tinggal dan menjadi pembesar Kerajaan Melayu Patani (Muhammad Abu Bakar 1987: 83).

Versi Pertama

Menurut versi pertama mengikut pendapat daripada keturunan Tuk Syeikh Duyong iaitu Dato' Perba Diraja Wan Abd. Rahman bin Wan Long yang dipetik daripada hasil temu bual yang diadakan oleh Sabanu Endut mengatakan keturunan Tuk Syeikh Duyong adalah dari Champa. Mengikut ceritanya pada suatu masa seorang Nakhoda Wangkang bersama tiga orang anak perahunya telah diperintah oleh pembesar tempat tinggalnya di daerah Champa (Kemboja) supaya mencari orang Melayu untuk mempelajari adat istiadat orang Melayu. Mereka diarah berpakaian dan berlagak seperti orang Melayu. Kemudian mereka berlayar ke arah matahari jatuh. Oleh kerana pelayaran mereka ketika musim hujan, perahu mereka telah pecah dan terdampar di Patani (Azman Muda 1990: 79).

Keempat-empat anak Wangkang itu telah menghadap pemerintah Patani. Mereka telah diberi layanan yang baik kerana dipercayai mereka adalah utusan dari pembesar Champa. Namun, selang beberapa hari ketiga-tiga anak Wangkang tersebut telah pulang ke negeri asal mereka. Maka, tinggallah Nakhodanya seorang menetap di Patani. Dengan jasa baik pemerintah ditambah pula dengan tingkah laku Nakhoda Wangkang yang baik menyebabkan beliau disayangi oleh raja dan akhirnya beliau dikahwinkan dengan Puteri Laksamana Johor yang menjadi anak angkat Raja Patani (Sabanu Endut 1991: 83). Kemudian, beliau telah dilantik menjadi pegawai yang menguruskan hal-hal berkenaan Negeri Atas Angin (China, Kemboja, Siam dan negeri-negeri di Timur laut Utara Siam. Hal ini kerana beliau sendiri adalah bekas pembesar di Champa. Carta susur galur seperti di bawah:



Rajah 1 Salasilah keturunan Tuk Syeikh Duyong yang terdapat pada warisnya.


Berdasarkan keterangan dan salasilah pada rajah (A) yang diperolehi dari Dato' Perba Diraja, jelaslah bahawa asal-usul keturunan Tuk Syeikh Duyong adalah daripada bekas seorang pembesar daerah Champa berbangsa Cina. Beliau kemudiannya memeluk agama Islam setelah datang ke Patani.

Versi Kedua


Versi kedua pula didapati daripada tulisan Dato' Haji Mohd Salleh bin Haji Awang (MISBAHA). Menurut MISBAHA Tuk Syeikh Qadi ayah kepada Tuk Syeikh Duyong adalah keturunan daripada putera Raja Bugis bernama Ne' Ali (Fakih Ali Malbari). Diceritakan

bahawa Ne' Ali telah keluar mengembara untuk menuntut ilmu agama. Kemudian Ne' Ali telah sampai ke Kota Tinggi lalu berkahwin dengan Puteri Laksamana Johor. Selepas berkahwin di Johor beliau dan isterinya merantau lagi ke Terengganu, Kelantan dan akhirnya ke Patani dan terus menetap di sana (Azman Muda 1990: 80; Sabanu Endut 1991: 83).

Oleh kerana asal usul keturunan Long Yunus, pemerintah Kelantan pada abad ke 19 juga berasal daripada satu keturunan yang sama iaitu daripada syeikh Laksamana Johor yang diakui oleh kedua-dua versi salasilah keturunan seperti di atas. Maka adalah perlu dikemukakan juga keterangan dan salasilah keturunan Raja Kelantan sebagai perbandingan dan penelitian. Daripada kenyataan berikut dapat disimpulkan bahawa asal usul keturunan Tuk Syeikh Duyong ialah daripada Ne' Ali, seorang putera raja Bugis.



Rajah 2 Salasilah Tuk Syeikh Duyong yang terdapat pada Dato' Haji Mohd Salleh bin Haji Awang



Rajah 3 Keterangan dan salasilah Keturunan Raja Kelantan menurut Dato' Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan

Dalam rajah C iaitu keterangan dan salasilah keturunan Raja Kelantan turut menampakkan bahawa salasilah Tuk Syeikh Duyong muncul daripada Fakih Ali dan Wan Teja, Puteri Laksamana Johor. Berpandukan kepada ketiga-tiga keterangan dan rajah salasilah keturunan (A), (B) dan (C) dapatlah dibuat kesimpulan sebagaimana berikut:

- i. Asal keturunan Tuk Syeikh Duyong adalah daripada Puteri Laksamana Johor. Kedua-dua pihak, waris-waris terdekat iaitu pihak pertama (A) DAN pihak kedua hasil maklumat yang diperolehi oleh MISBAHA dan salasilah Raja Kelantan (B) + (C) mengakui berketurunan di sebelah ibu yang sama iaitu Wan Teja.
- ii. Menurut salasilah keturunan (A), asal keturunan Tuk Syeikh Duyong ialah daripada To' Kaya Pandak. Manakala menurut salasilah keturunan (B), asal keturunan Tuk Syeikh Duyong ialah daripada To' Kaya Rakna Berjaya. Daripada salasilah keturunan (C), asal keturunan Tuk Syeikh Duyong ialah daripada To' Rakna Diraja. Berkemungkinan besar To' Rakna Diraja dan To' Kaya Rakna Berjaya adalah orang yang sama dalam rajah (B).

Berdasarkan keterangan berikut terdapat kontradiksi diantara dua pihak mengenai salasilah keturunan Tuk Syeikh Duyong sehingga menyukarkan untuk menentukan pihak mana yang lebih tepat. Sebagaimana mengikut pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh pihak waris-waris terdekat Tuk Syeikh Duyong dan ahli Kerabat Diraja Kelantan memperkatakan asal-usul keturunan mereka adalah dari negeri Champa atau kemboja. Sementara satu pihak lagi mengikut naskah-naskah salasilah yang diperolehi dari Patani oleh Haji Mohd Salleh bin Haji Awang, rajah (B) dan naskah Datuk Perdana Menteri Paduka Raja Kelantan (C) memperkatakan bahawa asal-usul keturunan mereka adalah daripada Putera Raja Bugis. Satu perkara dinyatakan oleh Muhammad Abu Bakar bahawa rupa fisikal waris-waris Tuk Syeikh Duyong yang masih hidup lebih mirip kepada rupa fisikal orang Cina (Muhammad Abu Bakar 1987: 87-89; Azman Muda 1990: 83).

Pendidikan

Dalam bidang pendidikan sesungguhnya Tuk Syeikh Duyong menghabiskan masa yang agak lama iaitu sehingga tahun 1846 iaitu selama 44 tahun bermula tarikh kelahirannya. Di sini dapat dikesan bahawa untuk mencapai tahap keilmuan dan kealiman yang baik seterusnya dapat menguasai sesuatu ilmu mengambil tempoh masa. Bukan setakat itu, malah perkara yang dilakukan oleh Tuk Syeikh Duyong dalam menuntut ilmu ialah merantau ke beberapa negeri. Antara negeri yang menjadi pilihan pada ketika itu ialah bertempat di Terengganu, Patani dan Mekah. Hal ini kerana tempat ini merupakan tempat kemuncak kepada perkembangan ilmu pada masa itu.

Pendidikan di Terengganu

Tuk Syeikh Duyong mendapat pendidikan awal agama daripada bapanya sendiri semasa menetap di Kampung Paya Bunga, Kuala Terengganu. Selaku anak yang menjadi harapan ayahandanya, semenjak kecil lagi Tuk Syeikh Duyong telah belajar mengaji al-Qur'an dan beberapa pengetahuan asas tentang agama iaitu rukun Islam, rukun Iman dan pelajaran Fardu Ain dengan bapanya. Ayahandanya Tuk Syeikh Qadi adalah seorang ulama Patani yang diberi perhatian besar oleh Sultan Baginda Omar dan dilantik sebagai pembesar negeri (Azman Muda 1990: 83).

Di samping itu juga beliau telah berulang alik bersama-sama Tokku Tuan Besar (Sayyid Muhammad Zainal Abidin) ke Bukit Bayas bagi mempelajari ilmu-ilmu agama dengan Tuk Syeikh Kadir Bukit Bayas (Zainal Abidin Zulcifly 1999, 5:2509). Semasa di Terengganu juga beliau turut belajar dengan Syeikh Muhammad bin Zainal Abidin al-Idrus atau lebih dikenali dengan panggilan Tokku Tuan Besar). Sesungguhnya Tuk Syeikh Duyong sungguh bertuah kerana berkesempatan menimba ilmu daripada dua orang tokoh ulama Terengganu yang tersohor. Hasil berdampingan dengan kedua-dua ulama ini membantu dalam mengasuh Tuk Syeikh Duyong untuk muncul sebagai ulama yang mempunyai tinggi ilmu agama dan dihormati dalam masyarakat Terengganu.

Pendidikan di Patani

Selepas mendapat didikan asas di Terengganu, kemudian beliau telah dihantar oleh bapanya ke Patani menuntut ilmu Tasawuf dan Usuluddin dengan Syeikh Daud al-Fattani (Muhammad Abu Bakar 1991: 159). Tempat pengajian beliau di Patani dipercayai di Pondok Bendang Daya dan Pondok Samla atau Semela.

Pendidikan di Mekah

Kemudian, beliau meneruskan lagi pengajian dengan mendalami pelajaran agamanya dalam bidang Tasawuf, Fiqh, Usuludin, Tafsir, Hadith di Masjidil Haram, Mekah pada tahun 1832. Semasa belajar di sana, beliau telah berguru dengan tiga orang ulama Arab ternama iaitu Syeikh Ahmad Zaini Dahlan, seorang pengarang kitab-kitab agama yang terkenal, Sayyid Ibrahim al-Kurdi dan Syeikh Mohd. Ramli. Pada ketika itu juga beliau sempat berguru dengan ulama terkenal berasal dari Patani iaitu Syeikh Daud al-Fatani yang bermastautin di sana. Beliau belajar di Mekah selama 14 tahun. Ketika menuntut ilmu di perantauan inilah bapanya Tuk Syeikh Qadi meninggal dunia iaitu pada tahun 1834 dan disemadikan di Perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu (Azman Muda 1990: 84).

Semasa berada di Mekah, beliau telah mencipta nama sebagai seorang yang aktif menyalin dan menterjemah banyak kitab-kitab agama ke dalam bahasa melayu terutamanya kitab-kitab mengenai Ilmu Fiqh (Sabtu Endut. 1990/1991: 86). Di antara kitab yang diterjemahkan itu ada yang diupah tulis kepada jurutulis-jurutulis yang mahir dari Sambas iaitu Ibrahim bin Mohd. Ibrahim dan Mohd. Ramli bin Hassan. Antara kitab-kitab masyhur yang diupah tulis kepada Ibrahim bin Mohd Ibrahim ialah kitab *Sirat al-Mustaqim*, *Tuhfat al-Muhtaj*, *Faht al-Jawab*, karangan Syeikh Ibn Hajar al-Haytami dan *Minhaj al-Talibin* karangan Imam Nawawi. Manakala kitab *al-Umm* karangan Imam Shafie dan *al-Fatawa al-Kubra* karangan Ibn Hajar diupah salin kepada Mohd Ramli bin Hassan. Karya-karya ini merupakan kitab-kitab Fikah atau perundangan Islam yang mengandungi dan membahas pelbagai persoalan dalam Mazhab al-Shafie, seperti ibadat, muamalat dan munakahat (Muhammad Abu Bakar 1991: 160).

Beliau bergelumang dalam dunia keilmuan di kota suci bagi tempoh yang agak panjang iaitu selama 14 tahun. Beliau kembali ke Terengganu pada tahun 1846 selepas melengkapkan diri dengan pelbagai bidang pengajian Islam dan mempersiapkan diri sebagai ulama yang mantap keilmuan dan keperibadiannya. Dalam kesempatan ini beliau dapat membina kepakaran yang khusus dalam bidang ilmu Fiqh dan ilmu Usul Fiqh dan ilmu-ilmu alat yang lain (Auni Abdullah 2015: 203).

Murid-murid yang Masyhur

Sekembalinya ke Terengganu Tuk Syeikh Duyong telah berpindah kediamannya daripada Kampung Paya Bunga ke Pulau Duyong Kecil. Ketika di Pulau Duyong beliau mengambil langkah untuk membangunkan pondok bagi menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Dengan pembukaan kelas pengajian agama yang baru inilah beliau digelar dengan gelaran Tuk Syeikh Duyong. Sesungguhnya telah menjadi tradisi di kalangan masyarakat Islam apabila munculnya seorang ulama yang masyhur, maka ulama itu akan diberi gelaran tempat asal di mana beliau

dilahirkan atau dibesarkan (Sabanu Endut 1991: 88). Dengan tertubuhnya pondok beliau di Pulau Duyong Kecil, menyebabkan makin lama makin ramai didatangi oleh pelajar daripada pelbagai latar belakang yang jauh dan dekat.

Pulau Duyong kecil telah menjadi sebuah pusat pengajian pondok yang ternama dan dikunjungi ramai orang. Tuk Syeikh Duyong telah dapat mencipta kejayaan sebagai seorang ulama pembangun pusat pendidikan Islam dan seorang peneroka sebuah penempatan yang berjaya. Dalam kalangan penduduk tempatan di Pulau Duyong Kecil, beliau lebih dikenali dengan panggilan ‘Tuan Tuk Syeikh’. Pulau Duyong Kecil telah menjadi tumpuan para penuntut ilmu dari sekitar Terengganu dan dari luar negeri seperti Kelantan, Pahang, Patani, Brunei, Borneo dan Sumatera (Auni Abdullah 2015: 204).

Keunggulan dan ketokohan Tuk Syeikh Duyong sebagai seorang ulama semakin terserlah apabila dua orang raja Terengganu, Sultan Baginda Omar dan Sultan Zainal Abidin III telah datang belajar agama kepadanya. Kedua-dua pemerintah Terengganu ini terkenal kerana pegangan agama mereka yang kuat serta minat untuk mendalami ilmu-ilmu agama. Baginda berdua bukan menjemput Tuk Syeikh Duyong ke istana untuk mengajar mereka, tetapi sanggup datang sendiri ke Pulau Duyong Kecil untuk mengikuti pengajian daripada Tuk Syeikh Duyong. Beliau sangat dihormati oleh kedua-dua raja ini dan sering menjadi tempat rujukan dalam hal-hal agama khususnya berkaitan dengan perundangan Islam dan hal-hal lain mengenai pemerintahan dan diplomasi. Beliau juga berfungsi sebagai penasihat utama kepada kedua-dua raja ini (Muhammad Abu Bakar 1991: 161).

Selain daripada kedua-dua raja itu, Tuk Syeikh Duyong juga mempunyai sejumlah murid yang menjadi ulama terkenal. Antara murid beliau yang paling terkenal ialah Sayyid Abdur Rahman al-Idrus yang dikenali dengan panggilan Tok Ku Paloh, seorang ulama Terengganu yang berpengaruh besar pada akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Tok Ku Paloh bersama-sama Tuk Syeikh Duyong menjadi penasihat utama kepada Sultan Zainal Abidin III. Sementara murid lain yang turut terkenal ialah Haji Umar Duyong Besar, Haji Abdul Hamid Nerus, Che Man Gudang, Haji Musa Alim, Tuan Baru Petai Bubus dan anaknya, Haji Wan Muhammad bin Wan Abdullah. Anaknya ini kemudian mengantikan beliau sebagai mufti Terengganu selepas kematiannya (Auni Abdullah 2015: 206).

Kehidupan dan Sifat-sifat Peribadi

Semasa hayatnya Tuk Syeikh Duyong merupakan tokoh agama yang disegani dan dihormati oleh ulama-ulama sezamannya. Bahkan beliau mendapat perhatian besar daripada Sultan dan pihak istana dengan kealimannya dalam bidang agama terutamanya bidang perundangan Islam. Beliau bukan sahaja terserlah dalam bidang perundangan Islam, malah turut terlibat dalam politik pemerintah kerajaan Terengganu. Tuk Syeikh Duyong sempat berkhidmat sebagai Mufti selama 25 tahun pada zaman pemerintahan tiga orang raja iaitu Sultan Baginda Omar (1839-1876), Sultan Ahmad Shah II (1876-1881) dan Sultan Zainal Abidin III (1881- 1919) (Sabanu Endut 1991: 79).

Kehidupan Tuk Syeikh Duyong dipengaruhi oleh pendidikan agama yang diperolehinya terutama selepas kepulangannya daripada menuntut ilmu di Mekah. Sekembalinya ke Terengganu pada 1846, Tuk Syeikh Duyong dan keluarganya menetap di Pulau Duyong Kecil berdekatan dengan Bandar Kuala Terengganu dengan tujuan mengembangkan pengajian Islam

di situ. Di tempat baru inilah beliau memimpin usaha meneroka dan membuka penempatan termasuklah mendirikan rumah kediaman untuk para anggota keluarganya dan sebuah masjid. Usaha peneroka beliau tidak sia-sia kerana dalam masa yang singkat sahaja, Pulau Duyong Kecil menjadi tumpuan para penuntut agama dari sekitar Terengganu dan dari luar negeri (Auni Abdullah 2015: 204).

Ketokohan dan kewibawaan beliau sebagai seorang ulama yang disanjung pemerintah dan dihormati rakyat Terengganu, telah mendapat penghargaan dari pihak istana. Tuk Syeikh Duyong dikurniakan oleh Sultan Baginda Omar beberapa keping tanah dusun dan sawah padi sebagai sumber mata pencarian beliau dan keluarganya serta untuk membiayai pengurusan pengajian di pondok. Bagi tujuan yang sama, Tuk Syeikh Duyong juga diberi kepercayaan sebagai pemegang kuasa lapan bidang tanah wakaf yang hasilnya disalurkan untuk menampung perbelanjaan tenaga pengajar dan penuntut di pondok-pondok Pulau Duyong Kecil. Dengan pencapaian menggalakkan dalam usaha penerokaan dan pembangunan Pulau Duyong Kecil di atas kawasan kurniaan raja serta tanah-tanah wakaf tersebut, maka Tuk Syeikh Duyong diberikan gelaran pembesar negeri, Orang Kaya Duyong oleh Sultan Baginda Omar (Auni Abdullah 2015: 205).

Selain itu, Tuk Syeikh Duyong adalah seorang ulama dan bapa yang sangat kuat menjaga disiplin. Orang-orang yang melalui atau datang berjumpa beliau di rumahnya dilarang sama sekali menghisap rokok. Orang-orang asing tidak dibenarkan ke Pulau Duyong Kecil tanpa diberitahu kepadanya terlebih dahulu. Ini menimbulkan kegerunan di kalangan budak-budak raja yang diperintahkan oleh Sultan untuk menyampaikan sesuatu berita kepadanya. Beliau sentiasa kelihatan serius dan tidak suka bercakap sesuatu yang kurang mendatangkan faedah kebajikan (Azman Muda 1990: 86).

Anak-anaknya pula dilarang tinggal di Bandar Kuala Terengganu. Pernah suatu masa salah seorang daripada anaknya membeli tanah di Bandar, tetapi disuruh jual kembali dengan harga yang sama kepada tuannya. Ternyata beliau tidak mahu anak-anaknya terpengaruh dengan kehidupan keduniaan. Daripada segi asuhan dan pendidikan, anak-anaknya telah dibentuk dan dibesarkan untuk menjalani hidup keagamaan yang konservatif. Anggota keluarganya pula tinggal di rumah-rumah yang bersambung antara satu sama lain, seperti rumah panjang dan dalam kawasan kampung yang terdiri daripada keluarganya sahaja. Kawasan perkampungan disebut ‘dalam kampung’ dan anggota keluarganya dirujuk sebagai ‘orang atas rumah’ oleh penduduk tempatan (Muhammad Abu Bakar 1991: 165).

Walaupun dilantik menjadi Mufti, kebanyakan tugasnya dijalankan di rumahnya di Pulau Duyong Kecil. Beliau hanya akan ke pejabat sekiranya terdapat tugas-tugas penting sahaja. Kebiasaan Sultan Baginda Omar akan mengutuskan orangnya menemui Tuk Syeikh Duyong bagi memaklumkan sesuatu hal yang terjadi. Akan tetapi ketika berlangsung upacara-upacara besar seperti Hari Raya, Maulud Nabi, perkahwinan diraja, Tuk Syeikh Duyong tidak ketinggalan menghadirinya. Suatu perkara yang menjadi amalan Tuk Syeikh Duyong ialah menziarahi jenazah, bersembahyang mayat dan membaca talkin apabila seseorang meninggal dunia. Beliau juga tidak pernah menerima hadiah atau sedekah daripada keluarga si mati apabila melakukan semua itu. Padanya, perbuatannya adalah memenuhi tuntutan fardu kifayah dan bertujuan memastikan upacara-upacara berkenaan berjalan dengan sempurna (Azman Muda 1990: 87 & Muhammad Abu Bakar 1991: 165).

Tuk Syeikh Duyong juga adalah seorang ulama yang mempunyai Ilmu Batin yang luar biasa. Pernah pada suatu malam seorang pencuri telah memasuki rumahnya, tetapi terperangkap dan tidak dapat berbuat apa-apa. Keesokan harinya, beliau telah menepuk bahu pencuri itu menyebabkan ia tersedar. Pencuri tersebut kemudiannya meminta maaf atas perbuatannya dan seterusnya dinasihati oleh Tuk Syeikh Duyong agar kembali ke jalan yang benar. Dalam satu peristiwa lain, Sultan Baginda Omar telah datang untuk menemuinya di Duyong Kecil. Akan tetapi Tuk Syeikh Duyong sudah sedia menunggu ketibaan itu walaupun tidak seorang pun memberitahunya tentang kedatangan Sultan itu. Tuk Syeikh Duyong hanya tersenyum apabila ditanya oleh Baginda Omar tentang hal tersebut. Perkara sama turut berlaku kepada Sultan Zainal Abidin III semasa era pemerintahan Baginda (Muhammad Abu Bakar 1991: 165).

Dalam satu lagi kejadian, Baginda Omar telah menghantar utusannya ke Duyong Kecil meminta Tuk Syeikh Duyong supaya mengadakan sembahyang hajat menolak bala kerana kedatangan kapal perang Couquette dan Scout pada November 1862. Beliau telah menunaikan permintaan tersebut. Dengan keizinan Allah, sembahyang dan doa Tuk Syeikh Duyong dan ulama-ulama lain, hujan telah turun dengan serta merta dan diiringi rebut yang kuat di sekitar Kuala Terengganu. Kapal-kapal perang itu terpaksa berundur dan mencari perlindungan di Pulau Kapas kerana keadaan tersebut (Muhammad Abu Bakar 1991: 166).

Kematian Tuk Syeikh Duyong

Tuk Syeikh Duyong telah meninggal dunia pada jam empat petang pada hari khamis, 24 Februari 1889 bersamaan hari Khamis 12 Jamadil Akhir 1306 Hijrah. Kematian Tuk Syeikh Duyong merupakan kehilangan besar kepada rakyat dan negeri Terengganu khasnya. Maka hilanglah seorang pakar perundangan Islam negeri Terengganu yang sukar dicari ganti. Sultan Zainal Abidin III yang memerintah ketika itu merasa amat sedih di atas kehilangan gurunya, baginda sendiri berangkat ke Pulau Duyong menziarahi gurunya. Malah baginda turut bersembahyang mayat dan memerintahkan supaya jenazah Tuk Syeikh Duyong dibawa ke istana untuk diberi penghormatan terakhir oleh kerabat Diraja dan pembesar-pembesar Negeri Terengganu. Mayat Tuk Syeikh Duyong telah dikebumikan di tanah Perkuburan Syeikh Ibrahim, Kuala Terengganu.

Tok Ku Paloh apabila mendapat berita kematian gurunya lantas berkata, “hilang sudah kepala santan negeri Terengganu”. Kemudian beliau bergegas ke Pulau Duyong Kecil untuk menziarahi jenazahnya. Ungkapan Tok Ku Paloh itu bermaksud bahawa dengan kematian Tuk Syeikh Duyong, negeri Terengganu kehilangan seorang ulama yang paling berilmu dan berwibawa (kepala santan). Pengiktirafan Tok Ku Paloh terhadap ketokohan gurunya itu amat wajar. Khidmat bakti Tuk Syeikh Duyong kepada kemajuan pendidikan Islam amat ketara dengan kemasyhuran pondoknya di Pulau Duyong Kecil (Auni Abdullah 2015: 222).

Sesungguhnya segala gambaran mengenai Tuk Syeikh Duyong dari segi keulamaan dan keintelektualan bertepatan dengan panggilan hormat yang sering diungkapkan kepada beliau sebagai “lidah negeri Terengganu” (Mohamad Abu Bakar 1991: 166). Panggilan ini amat mendalam maksudnya kerana mencerminkan pengiktirafan yang memang selayaknya kepada beliau yang berkedudukan selaku jurucakap atau penyambung lidah negeri Terengganu. Ini jelas dapat dikesan daripada sumbangan besarnya dalam memartabatkan tradisi pemerintahan Islam, menegakkan keluhuran lunas-lunas perundangan Islam dan berfungsi dalam pelbagai

posisi semasa menangani krisis politik dan diplomasi yang mengancam kepentingan, keselamatan dan kestabilan politik Terengganu (Auni Abdullah 2015: 223).

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan di atas, pengkaji merumuskan bahawa bab ini untuk memperkenalkan dan menyerlahkan tokoh meliputi biografi, salasilah keturunan, pengajian dan kehidupan serta sifat-sifat peribadi beliau. Hasil mendapati kedatangan Tuk Syeikh Duyong ke Terengganu terbukti sekali telah memperkayakan bidang ilmu dan mewarnai persekitaran politik pemerintah Terengganu. Ketokohan beliau dalam bidang keilmuan dan politik pemerintah telah menyebabkan Negeri Terengganu menjadi terkenal dan mencapai puncak kegemilangan pada abad ke 19. Bab berikutnya akan menghuraikan dengan lebih terperinci dan mendalam lagi terhadap sumbangan Tuk Syeikh Duyong merangkumi aspek pendidikan dan pentadbiran yang dilibati sendiri oleh tokoh penting ini.

Rujukan

- Abdul Wahab & Rashid Hamat. 2006. *Catatan Bicara Tuk Syeikh Duyong, dalam Kesultanan Melayu Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Auni Abdullah. 2015. Pemikiran Tuk Syeikh Duyong. Dlm. *Pemikiran Politik Islam dalam Sejarah Persuratan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Azman Muda. 1990. Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tok Syeikh Duyong) Tokoh Agama dan Birokrat Negeri Terengganu. Latihan Ilmiah, Kuala Lumpur, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya.
- Buyung Adil. 1974. *Sejarah Terengganu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mamat Adam Taib. 1970. *Struktur dan Organisasi Pentadbiran Hal Ehwal Ugama Islam Trengganu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Bakar. 1991. Tuk Syeikh Duyong, dalam Muhammad Abu Bakar (ed.) *Ulama Terengganu dalam Sorotan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Muhammad Abu Bakar. 1987. Haji Wan Abdullah bin Haji Wan Mohd Amin (Tuk Syeikh Duyong). *PESAKA IV*, Monograf Lembaga Muzium Negeri Terengganu.
- Sabau Endut. 1990/1991. Sultan Zainal Abidin III: Perkembangan Islam dan Kesannya dalam pemerintahan Baginda di Terengganu (1881-1918). Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sharifah Afidah Syed Hamid. 1989/1990. Ulama Terkemuka Terengganu Abad ke 19: Pemikiran dan Peranan Mereka kepada Masyarakat. Disertasi, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Bakar Wan Dagang. 1976. Pelaksanaan undang-undang dan kehakiman Islam semasa pemerintahan sultan Zainal Abidin III Terengganu (1881-1919). Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Zulkifli Wan Hassan & Azizi Umar. 2011. Sumbangan Ulama Nusantara di Terengganu dalam Mengembangkan Mazhab Shafi'i dlm. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Selangor: Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia.